

FREQUENTLY ASKED QUESTION

INSPECTOR OF WORKS

Q1 : Bagaimanakah saya boleh mendaftar dengan LJM sebagai IOW?

How can I register with BEM as IOW?

A : Sila log-in 'engineer.org.my' & buat permohonan secara atas talian.

Please log in to 'engineer.org.my' and register online.

Q2 : Bolehkah saya emelkan sahaja borang & semua dokumen pendaftaran kepada LJM?.

Can I just email the form and all registration documents to BEM?

A : Tidak boleh. Semua permohonan sekarang adalah secara atas talian.

No. All application can only be done to date.

Q3 : Adakah LJM akan poskan sijil kelak?

Will BEM post the certificate later?

A : Tidak, sijil pendaftaran boleh dicetak terus daripada sistem. Sila log-in ke 'engineer.org.my' untuk mencetak sijil pendaftaran kelak.

No, the certificate can be printed from the system. Please log-in to 'engineer.org.my' to print.

Q4 : Adakah wajib pekerja tapak pembinaan mendaftar sebagai pemeriksa tapak?

Is it compulsory for all construction site workers to register as Inspector of Works?

A : Hanya wajib bagi Pemeriksa Tapak yang bekerja di bawah perunding kejuruteraan.

Only compulsory for Inspector of Works who is working in Engineering Consultancy.

Q5 : Perlukah saya menjalani latihan atau kursus sebelum berdaftar dengan LJM?

Do I need to undergo training or courses before register with BEM?

A : Tiada latihan atau kursus yang diperlukan untuk berdaftar sebagai Pemeriksa Tapak dengan LJM.

No training or courses needed to register as Inspector of Works with BEM.

- Q6 :** Adakah sijil perlu diperbarui setiap tahun, atau, hanya bila sijil tersebut diperlukan?
Is it required to renew IOW certificate every year? Or only if it is needed for working purposes?
- A :** Sijil pendaftaran IOW (*kecuali IOW (intern)*) hanya sah selama 3 tahun (akhir Disember tahun ke-3). Sijil tersebut diperlukan sekiranya tuan masih bekerja sebagai Pemeriksa Tapak.
The IOW registration (except Intern IOW) is only valid for 3 years (December end of the 3rd year). The certificate is required if you are still working as an Inspector of Work.

- Q7 :** Bolehkah saya bekerja sebagai Pemeriksa Tapak tetapi tidak mempunyai sijil pendaftaran dengan LJM?
Can I work as Inspector of Works but not having registration certificate with BEM?
- A :** Sekiranya individu bekerja sebagai Pemeriksa Tapak tanpa mendaftar dengan LJM, mereka boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 24 Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Semakan 2015)
If any person carries out IOW work without registering with BEM, they can be penalized under Section 24 of Registration of Engineers Act 1967 (Revised 2015)

- Q8 :** Bolehkah individu dengan sijil SPM/ Sijil Kemahiran Malaysia memohon untuk berdaftar sebagai Pemeriksa Tapak dengan LJM?
Can individuals with SPM certificate / Malaysian Skills Certificate apply to be registered as an Inspector of Works with LJM?
- A :** Syarat untuk berdaftar sebagai IOW mestilah mempunyai diploma dalam bidang engineering atau engineering technology.
Walaubagaimana, individu dengan kelayakan sijil SPM/ Sijil Kemahiran Malaysia dengan pengalaman pengawasan tapak yang berpatutan sebelum 2015 boleh mengemukakan permohonannya kepada LJM dan permohonan mereka akan dipertimbangkan *on case to case basis*
Requirements to register as an IOW must have a diploma in engineering or engineering technology.
However, individuals with SPM certificate / Malaysian Skills Certificate qualification with relevant site experience before 2015 can submit their application to LJM and their application will be considered on a case to case basis.

- Q9 :** Bolehkah Jurutera Siswazah berdaftar sebagai Pemeriksa Tapak?
Can a Graduate Engineer be registered as a IOW?
- A :** Jurutera Siswazah (GE) tidak perlu berdaftar sebagai Pemeriksa Tapak (IOW). Jurutera Siswazah (GE) boleh menjalankan tugas seperti mana Pemeriksa Tapak (IOW).
Walaubagaimanapun, LJM tiada halangan sekiranya Jurutera Siswazah (GE) mahu berdaftar sebagai Pemeriksa Tapak (IOW).

Graduate Engineers (GE) do not need to be registered as a IOW. Graduate Engineers (GE) can perform the same duties as the Site Inspector (IOW).

However, BEM has no objection if the Graduate Engineer (GE) wants to be registered as an Inspector of Works (IOW).

Q10 : Berapakah jumlah CPD untuk pembaharuan IOW?

How many CPD hours required for IOW renewal?

A : 30 CPD

30 CPD.

Q11 : Adakah perlu untuk IOW mendaftar CIDB Green Card apabila mereka sudah berdaftar dengan LJM?

Is it necessary for IOW to register CIDB Green Card once they are registered with BEM?

A : Sila rujuk dengan pihak CIDB memandangkan Green Card tersebut dikeluarkan oleh mereka.

Please consult with CIDB as the Green Card was issued by them.

Q12: Apakah skop pekerjaan untuk IOW?

Apa yang perlu saya lakukan sebagai pelatih?

What is the job scope for IOW ?

What do I need to do as intern?

A : Peranan IOW (intern) adalah untuk membantu atasannya yang mempunyai pengawasan terhadapnya dan dia tidak dibenarkan untuk mengesahkan penyiapan kerja-kerja tapak oleh Kontraktor semasa latihannya, yang akan dilakukan oleh atasannya.

IOW (intern) role is to assist his/her immediate superior(s) having oversight on him /her and he/she is not permitted to certify completion of site works by the Contractor during his/her internship, which shall be carried out by his /her superior(s).

Q13 : Bolehkah kami membuat cap pendaftaran untuk IOW?

Bolehkah kami meminta sampel/ ukuran cap?

Can we make a registration stamp for IOW?

Can we request a sample / stamp size?

A : Dimaklumkan bahawa tiada peruntukan dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) untuk mengadakan cap pendaftaran IOW.

Please be informed that there is no provision in the Engineers Registration Act 1967 (Amendment 2015) to establish an IOW registration stamp.